

08/05/2001

Mesyuarat dijangka bincang pelaksanaan RRJP3

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Pembangunan Negara yang dijadual untuk bermesyuarat di Putrajaya esok, akan mengkaji, antara lain, pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Mesyuarat itu yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengkaji bagaimana proses pelaksanaan itu akan diawasi, sesuatu yang amat penting bagi masyarakat India, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu yang akan menghadiri mesyuarat itu.

Presiden MIC itu berkata, mesyuarat itu akan menilai projek dan program yang telah dan akan dilaksanakan.

"MIC akan menubuhkan badan pengawasannya sendiri untuk memantau pelaksanaan itu secara mingguan dan bulanan," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

RRJP3 bagi tempoh 10 tahun dan Dasar Wawasan Negara dibentangkan oleh Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 3 April manakala laporan RMK-8 (2001-2005) dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri pada 23 April.

RRJP3 menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi berdasarkan bidang strategik dengan memberikan keutamaan kepada produktiviti, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dan membina sebuah masyarakat secara adil bagi memastikan kestabilan dan perpaduan.

Bagi masyarakat India, RRJP3 mencadangkan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti mereka daripada 1.5 peratus pada masa sekarang kepada tiga peratus dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Samy Vellu berkata, mekanisme bagi pelaksanaan RRJP3 dan RMK-8 telah diwujudkan pada peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

"Proses pelaksanaannya akan lebih terancang. Kita akan tahu apa yang berlaku dan bagaimana rancangan-rancangan itu (RRJP3) dan RMK-8 dilaksanakan," katanya.

Bagi mencapai pemilikan ekuiti tiga peratus bagi kaum India, Samy Vellu telah mencadangkan bahawa 9,000 hingga 10,000 ahli perniagaan India yang aktif, kebanyakannya terlibat dalam industri restoran, pasar mini dan besi, akan memainkan peranan penting.

"Mereka ini akan menjadi saluran kepada kita (MIC) untuk mencapai sasaran itu. Mereka akan diminta membeli saham," katanya.

Beliau berkata, masyarakat India perlu mengumpulkan kira-kira RM9 bilion jika mereka mahu mencapai sasaran pegangan tiga peratus itu.

Beliau berkata, Permodalan Nasional Berhad (PNB) perlu membantu MIC dalam perkara itu.

(END)